

UMNO-PENERANGAN

KUALA LUMPUR, 19 MEI (BERNAMA) — JAWATANKUASA PENERANGAN UMNO AKAN MENGADAKAN SATU KURSUS BAGI PEGAWAI-PEGAWAI PENERANGANNYA DI SINI 30 JUN INI MENGENAI PENDAFTARAN PENGUNDI YANG AKAN DIJALANKAN TIDAK LAMA LAGI.

NAIB PRESIDEN UMNO, DR. MAHATHIR MUHAMAD, MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SETELAH MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENERANGAN UMNO DI SINI.

KATANYA, TUJUAN MENGADAKAN KURSUS PENERANGAN TERSEBUT IALAH UNTUK MENAMBAHKAN LAGI PENGUNDI-PENGUNDI UMNO.

DR. MAHATHIR, YANG JUGA TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, ENAM ORANG LAGI PEGAWAI PENERANGAN AKAN DIAMBIL BAGI MEMPERKUKUKKAN LAGI JENTERA PENERANGAN UMNO.

BELIAU MENAMBAH, IBUPEJABAT UMNO TELAH MENENTUKAN BEBERAPA ISIU YANG MENARIK PERHATIAN RAKYAT.

MENURUTNYA, JAWATANKUASA PENERANGAN UMNO AKAN MEMBERI PENJELASAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI PENERANGANNYA MENGENAI PENDEKATAN PENERANGAN YANG PERLU DIAMBIL UNTUK MENJELASKAN ISIU-ISIU TERSEBUT KEPADA PARA ANGGUTA UMNO. -- BERSAMBUNG 1950/YF